



JABATAN PERUMAHAN NEGARA
Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Aras 30-38,
No. 51, Persiaran Perdana,
Presint 4, 62100 Putrajaya



Telefon : 03-8000 8000
Faks : 03-8891 4225
Emel : jpn@kpkt.gov.my
Webmail : <http://jpn.kpkt.gov.my>

JPN/PS/974 JLD 11 (15)

05 JANUARI 2015

SURAT PERINGATAN

Tuan,

PERINGATAN MENGEMUKAKAN LAPORAN KEWANGAN TAHUNAN BERAUDIT (7e) SECARA ONLINE

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Seperti tuan sedia maklum, semua pemaju perumahan berlesen adalah diwajibkan untuk mengemukakan Laporan Kewangan Tahunan Beraudit kepada Pengawal Perumahan selaras dengan peruntukan subseksyen 7(e) Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Perlesenan) 1966 [Akta 118] & Peraturan-Peraturan yang memperuntukkan:

“Dalam tempoh enam bulan selepas berakhirnya tahun kewangan bagi pemaju perumahan berlesen yang berkenaan menghantar kepada Pengawal dan juga menyiarkan dalam *Warta* suatu salinan laporan juruaudit yang disediakan di bawah seksyen 9 beserta suatu salinan Kunci kira-Kira dan Akaun Untung Ruginya”

3. Oleh yang demikian, pihak tuan diminta untuk memuat naik **Laporan Kewangan Tahunan Beraudit, Laporan Juruaudit** yang disediakan mengikut **Seksyen 9(3) Akta 118 dan Peraturan 12 dan 12_A** di bawah **Peraturan-Peraturan Pemajuan Perumahan (Akta Pemajuan Perumahan) 1991** serta **Surat Pewartaan melalui portal ehome.kpkt.gov.my**. Pemaju juga diingatkan bahawa sebarang penghantaran salinan cetak (*hard-copy*) Laporan 7(e) tidak akan diterima kecuali Surat Perakuan Pemaju Perumahan yang mengesahkan bahawa penghantaran Laporan di bawah Seksyen 7(e) Akta 118 telah dibuat secara *online*. Peringatan ini adalah selaras dengan kewajipan pemaju untuk menghantar Laporan 7(e) secara *online* melalui sistem e-PEMAJU yang telah berkuatkuasa bermula tahun 2013.

(Sila catatkan rujukan kami apabila berhubung)



4. Kegagalan pihak tuan untuk mematuhi peruntukan di atas **boleh dikenakan kompaun tidak melebihi RM50,000**. Sebarang pertanyaan sila hubungi pegawai kami ditalian berikut :


Normala bt Masor @ Mansor : 03-88914140
Hariza bt Mohd Yusoff : 03-88914141
Ismaliza bt Iman : 03-88914209
Muhammad Bunyamin b Harizon : 03-88914212
Zainal Ikram b Zainal Abidin : 03-88914211
Malini A/P Thiahu : 03-88914205
Noormairuzs bt Azha : 03-88914208

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"1 MALAYSIA: RAKYAT DIDAHULUKAN, PENCAPAIAN DIUTAMAKAN"

Saya yang menurut perintah,



(Ir. LAI LIANG KOONG, (P.Eng, M.I.E.M), P.P.T(S'gor), A.M.K(Kedah))

Pengarah
Bahagian Pemantauan Perumahan Swasta
b.p Ketua Pengarah
Jabatan Perumahan Negara
Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan
(KPKT)